

## **Kepentingan Kajian Rintis dan Pengujian kebolehpercayaan borang selidik: Kajian tahap kesejahteraan hidup terhadap strategi daya tindak ke atas risiko pengulangan jenayah**

*The Importance of a Pilot Study and Testing the Reliability of the Questionnaire: A study of the level of well-being in relation to coping strategies on the risk of recidivism*

**Mohd Alif bin Jasni<sup>1,2,3\*</sup>, Zakiyah Jamaluddin<sup>1,2</sup>, Muna Maryam Azmy<sup>4</sup>, Nor Suzylah Sohaimi<sup>5</sup>, Nor A'tikah Mat Ali<sup>1</sup> & Sofi Mohd Fikri<sup>6</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia

<sup>2</sup>Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (*iPSYCORE*), Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah, Malaysia

<sup>3</sup>Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, No 25, Jalan Thamboosamy, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>4</sup>Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia

<sup>5</sup>School of Government, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia

<sup>6</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia

\*Corresponding author: mohd.alif.jasni@uum.edu.my / alevmikail@gmail.com

**Received:** 11 June 2024; **Revisions:** 29 July 2025; **Accepted:** 11 Aug 2025; **Published:** 14 Aug 2025

**To cite this article (APA):** Jasni, M. A., Jamaluddin, Z., Azmy, M. M., Sohaimi, N. S., Mat Ali, N. A., & Mohd Fikri, S. (2025). Kepentingan Kajian Rintis dan Pengujian kebolehpercayaan borang selidik: Kajian tahap kesejahteraan hidup terhadap strategi daya tindak ke atas risiko pengulangan jenayah. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 11(2), 69-90. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.2.6.2025>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.2.6.2025>

### **ABSTRAK**

Artikel ini merupakan sebuah penulisan tentang kajian rintis yang dilakukan ke atas soal selidik yang dibina. Artikel ini membincangkan tentang kepentingan menjalankan kajian rintis serta menguji soal selidik ke atas gelandangan bekas banduan sebagai responden kajian. Soal selidik ini adalah berkaitan dengan tahap kesejahteraan material, kesejahteraan subjektif terhadap strategi daya tindak ke atas risiko pengulangan jenayah. Sampel responden adalah dari kalangan gelandangan bekas banduan yang hidup di jalanan selepas dibebaskan. Mereka adalah dari kalangan yang hidup secara rentan di jalanan. Kajian ini telah menjalankan kajian rintis dengan menggunakan pendekatan kuantitatif ke atas 30 orang responden gelandangan bekas banduan sekitar Jalan Chow Kit. Pemilihan sampel bagi kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan menetapkan kriteria-kriteria khusus yang diperlukan. Kajian rintis ini melibatkan seramai 31 orang responden; seramai 26 orang lelaki dan 5 orang perempuan. Hasil nilai Alpha Cronbach keseluruhan bagi dimensi kesejahteraan hidup material menunjukkan sebanyak 0.894. Diikuti dengan dimensi kesejahteraan hidup subjektif sebanyak sebanyak 0.944. Hasil nilai Alpha Cronbach buat dimensi risiko gelandangan menunjukkan sebanyak 0.839 dan dimensi risiko pengulangan jenayah sebanyak 0.895. Dan dimensi terakhir iaitu dimensi strategi daya tindak menunjukkan nilai sebanyak 0.779. Hasil kajian rintis yang dijalankan telah membuktikan soal selidik yang dibina ini bersesuaian untuk digunakan bagi kajian sebenar dengan beberapa pembetulan yang dilakukan. Alpha Cronbach 0.70 atau ke atas secara amnya dianggap boleh diterima untuk tujuan penyelidikan, menunjukkan bahawa item dalam soal selidik boleh mengukur konstruk yang sama. Walaupun kajian rintis ini membawa kepada pelbagai cabaran namun hasil kajian rintis yang dilakukan menunjukkan nilai cronbach alpha yang tinggi bagi setiap bahagian angkuabah yang ingin diukur. Antara cabaran yang dilalui ketika kajian rintis dilakukan adalah seperti: daya kefahaman responden yang rendah, kesukaran mendapatkan responden, soalan kabur, pengulangan soalan, format soal selidik dan item yang banyak. Keadaan ini membawa kepada usaha untuk menambabbaik soal selidik ini agar memastikan proses kajian lapangan sebenar yang lebih lancar dapat dilakukan kelak.

**Kata kunci:** Tahap kesejahteraan material, tahap kesejahteraan subjektif, strategi daya tindak, risiko pengulangan jenayah

## **ABSTRACT**

*This article is a writing about a pilot study conducted on a constructed questionnaire. The article discusses the importance of conducting pilot studies and testing the questionnaire on homeless former prisoners as the research respondents. This questionnaire is related to the level of material well-being, subjective well-being towards coping strategies for the risk of recidivism. The sample respondents are among homeless former prisoners living on the streets after being released. They are from the vulnerable group living on the streets. This study conducted a pilot study using a quantitative approach on 30 homeless former prisoner respondents around Jalan Chow Kit. The sample selection for this study used a purposive sampling technique by setting specific criteria required. This pilot study involved a total of 31 respondents; 26 men and 5 women. The overall Cronbach's Alpha value for the material well-being dimension shows 0.894. This is followed by the subjective well-being dimension at 0.944. The Cronbach's Alpha value for the homelessness risk dimension is 0.839, and for the recidivism risk dimension, it is 0.895. The final dimension, which is the coping strategy dimension, shows a value of 0.779. The results of the conducted pilot study have proven that the constructed questionnaire is suitable for use in the actual study with some corrections made. A Cronbach's Alpha of 0.70 or above is generally considered acceptable for research purposes, indicating that the items in the questionnaire can measure the same construct. Although this pilot study brought various challenges, the results of the pilot study showed high cronbach alpha values for each variable section intended to be measured. Among the challenges faced during the pilot study were: low respondent comprehension, difficulty in obtaining respondents, ambiguous questions, question repetition, questionnaire format, and numerous items. This situation has led to efforts to improve the questionnaire to ensure a smoother actual field study process can be carried out in the future.*

**Keywords:** *Level of material well-being, level of subjective well-being, coping strategies, risk of criminal recidivism*

## **PENGENALAN**

Kajian rintis boleh ditakrifkan sebagai kajian kecil untuk menguji protokol kajian penyelidikan, instrumen pengumpulan data dan teknik penyelidikan lain dalam persediaan untuk kajian yang lebih besar (Lancaster, Dodd, & Williamson, 2004). Pengujian kajian rintis membantu mengenal pasti sebarang kelemahan dalam soal selidik, seperti soalan yang tidak jelas atau mengelirukan, kesukaran dalam pilihan jawapan atau isu teknikal yang wujud (Kraemer et al., 2006). Keadaan ini membolehkan pengkaji membuat semakan yang diperlukan sebelum menggunakan soal selidik untuk kajian lapangan sebenar dengan melibatkan sampel yang penuh (Thabane et al., 2010). Kajian rintis merupakan langkah penting dalam proses pembangunan soal selidik untuk memastikan soal selidik adalah jelas, komprehensif dan bebas daripada sebarang isu dan ralat yang boleh menjejaskan kualiti data yang dikumpul (Bryman, 2016). Pengenalpastian kelemahan yang wujud dari awal boleh membantu meningkatkan kualiti dan keberkesanan keseluruhan soal selidik (Arnold et al., 2009). Kajian rintis juga boleh membantu menilai sama ada responden memahami soalan seperti yang dimaksudkan. Ia memastikan bahawa soalan adalah jelas, mudah difahami, dan boleh membawa kepada data yang lebih dipercayai (Leon, Davis, & Kraamer, 2011). Kajian rintis membolehkan pengkaji menguji pentadbiran soal selidik, seperti masa yang diperlukan untuk melengkapkannya, dan sebarang isu yang berpotensi untuk memberi kesan kepada keseluruhan proses pengumpulan data di masa akan datang.

Di samping itu, kajian rintis membantu memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Hal ini kerana ujian rintis membantu menilai ketekalan dalaman soal selidik, yang merupakan ukuran kebolehpercayaan (Gudmundsdottir, & Brock-Utne, 2010). Dengan mengujinya pada sampel kecil, pengkaji boleh menilai sama ada ia mengukur perkara yang sepatutnya diukur dan menghasilkan keputusan yang konsisten. Kajian rintis memberi peluang untuk menambah baik reka bentuk keseluruhan soal selidik, termasuk menyusun atur kedudukan soalan, pemformatan, dan pemilihan jenis soalan, berdasarkan maklum balas daripada responden (Kim, 2010). Dengan menggunakan soal selidik ke atas sampel yang kecil, pengkaji boleh mengira ukuran seperti Alpha Cronbach untuk menentukan sama ada item dalam soal selidik adalah konsisten dan boleh dipercayai dalam mengukur konstruk yang

dimaksudkan (Teijlingen, & Hundley, 2002). Hal ini kerana jika konsistensi dalaman adalah rendah, pelarasan boleh dibuat bagi meningkatkan kebolehpercayaan. Dengan menyemak maklum balas daripada responden kajian rintis dan meneliti jawapan mereka, pengkaji boleh menentukan sama ada item soal selidik adalah relevan dan komprehensif dalam mengkaji konstruk yang diukur (Vogel, & Draper-Rodi, 2017). Tujuan pengkaji menjalankan kajian rintis ke atas gelandangan bekas banduan dalam menguji soalan dan item yang ingin diukur. Menjalankan kajian rintis soal selidik dengan gelandangan bekas banduan sememangnya boleh memberikan cabaran unik kerana status mereka yang terpinggir. Dalam kes sedemikian, adalah penting buat pengkaji untuk bekerjasama rapat dengan organisasi perkhidmatan sosial seperti NGO yang mempunyai hubungan baik dengan golongan ini. Hubungan rapport yang wujud boleh mewujudkan kepercayaan untuk responden kajian ini mengikuti kajian rintis ini. Selain itu, pengkaji perlu menjadi fleksibel dalam pendekatan yang ingin digunakan. Hal ini kerana pengkaji perlu menjalankan ujian rintis di lokasi atau pada masa yang lebih sesuai untuk responden kajian (Chi-Hong & Sim, 2020)

Proses kajian rintis ini membantu pengkaji memahami situasi gelandangan bekas banduan dan menyesuaikan soal selidik agar lebih relevan dan berkesan. Kajian rintis boleh membantu menentukan kebolehlaksanaan untuk merekrut dan melibatkan gelandangan bekas banduan dalam kajian. Kajian rintis ini boleh menyerlahkan potensi cabaran yang boleh wujud dalam mengakses populasi dan dapat memberikan pandangan tentang cara menangani cabaran ini. Malahan, kajian rintis juga membolehkan pengkaji menguji soal selidik untuk kejelasan, kaitan dan kesesuaian untuk populasi yang dikaji. Ini membantu dalam memastikan soalan yang diberikan dapat difahami dengan betul dan data yang dikumpul adalah boleh dipercayai dan sah. Di samping itu juga, kajian rintis juga membantu menjelaskan prosedur untuk pengumpulan data, seperti masa dan lokasi terbaik untuk mendekati responden, cara paling berkesan untuk berkomunikasi dengan mereka, dan keseluruhan logistik kajian. Kajian rintis yang dijalankan dapat memberi peluang untuk membina kepercayaan dengan penduduk gelandangan bekas banduan yang tiada tempat tinggal. Dengan melibatkan diri dengan mereka dalam kajian rintis, pengkaji boleh menunjukkan komitmen diri untuk memahami pengalaman dan menangani cabaran mereka. Kajian ini dilakukan bagi menguji soal selidik yang telah dibangunkan ke atas gelandangan bekas banduan. Soal selidik yang dibangunkan ini bagi mencapai tiga objektif seperti berikut:

1. Mengenalpasti tahap kesejahteraan hidup (material dan subjektif) gelandangan bekas banduan.
2. Mengkaji pengaruh tahap kesejahteraan hidup (material dan subjektif) gelandangan bekas banduan terhadap tingkahlaku pengulangan jenayah (residivisme) mereka.
3. Mengkaji hubungan antara strategi daya tindak dengan risiko pengulangan jenayah dalam kalangan gelandangan bekas banduan.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Kepentingan Kajian Rintis**

Kajian rintis adalah penting dalam penyelidikan dan pembangunan soal selidik. Ia membantu mengenal pasti dan membetulkan sebarang isu dengan reka bentuk penyelidikan, soal selidik, atau prosedur pengumpulan data sebelum kajian penuh dijalankan (Lenth, 2001). Keadaan ini bagi memastikan bahawa kajian akan menghasilkan keputusan yang sah dan boleh dipercayai. Kajian rintis membantu menilai kebolehlaksanaan kajian, termasuk masa dan sumber yang diperlukan. Malahan, kajian rintis juga boleh menyerlahkan sebarang cabaran logistik yang perlu ditangani sebelum menjalankan kajian penuh. Ia membolehkan pengkaji menguji prosedur pengumpulan data, seperti pentadbiran soal selidik, untuk memastikan ia berkesan dan cekap. Pengkaji boleh menggunakan kajian rintis untuk memperhalus instrumen kajian, seperti memastikan soal selidik yang jelas, ringkas dan relevan dengan objektif kajian. Kajian rintis boleh membantu membina keyakinan dalam proses penyelidikan dan kaedah pengumpulan data, baik untuk pengkaji dan responden. Seterusnya menjadikan data lebih bermakna dan boleh dipercayai (Chi-Hong & Sim, 2020). Selain itu menurut Fraser et al. (2018), kajian rintis dapat meningkatkan kebarangkalian kejayaan dalam kajian utama dengan menguji kelayakan prosedur pengumpulan dan menguji kesahan kandungan dan kesahan bentuk soalan. Tate et al. (2023)

mendedahkan kajian rintis penting untuk pengkaji mendapat kemahiran penyelidikan dan pertimbangan untuk pengkaji mengeksplorasi soalan, mengumpulkan data yang berkualiti dan melengkapkan pengkaji dengan cabaran psikologi dan teknikal semasa menyiapkan proses kajian. Lehana Thabane et al. (2010) mendedahkan kajian rintis diperlukan untuk menguji kaedah dan prosedur digunakan serta penyiataan yang direka untuk pengujian yang digunakan dalam skala yang besar. Malmqvist et al. (2019) pula mengatakan kajian rintis adalah untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan ianya dicapai dalam kebanyakan aspek proses penyelidikan. Zailinawati et al. (2006) juga turut mengatakan kajian rintis merupakan satu peringkat penting dalam proses penyelidikan untuk mengenalpasti masalah dan kelemahan dalam instrumen penyelidikan dan protokol sebelum melaksanakan kajian.

### **Keperluan Menguji Soal Selidik**

Borang soal selidik ialah kaedah kajian yang digunakan untuk mengumpul data daripada sampel individu. Ia melibatkan proses bertanya kepada responden menggunakan beberapa siri soalan, sama ada secara peribadi, telefon, e-mel atau dalam talian. Soal selidik boleh digunakan untuk mengumpul maklumat tentang pelbagai topik, termasuk sikap, tingkah laku, pendapat dan demografi. Pengkaji membina bentuk set soalan yang relevan dengan objektif kajian yang cuba dicapai. Soalan boleh berbentuk terbuka (membolehkan jawapan terperinci) atau tertutup (menyediakan satu set pilihan respons) (Farmanova, Grenier & Chomienne, 2013). Pengkaji memilih sampel individu daripada populasi yang ingin dikaji. Sampel hendaklah mewakili populasi yang lebih besar untuk memastikan dapatan dapat digeneralisasikan. Soal selidik kemudiannya diberikan kepada sampel yang dipilih. Responden memberikan jawapan mereka kepada soal selidik, sama ada dengan mengisi borang selidik atau memasukkan jawapan mereka dalam talian. Setelah data dikumpul, pengkaji menganalisis respons untuk membuat kesimpulan tentang persoalan kajian. Proses menganalisis ini mungkin melibatkan analisis statistik untuk mengenal pasti corak atau aliran dalam data. Kemudian, pengkaji dapat melaporkan penemuan, selalunya dalam bentuk laporan penyelidikan untuk berkongsi keputusan mereka dengan komuniti penyelidikan yang lebih luas. Hal ini terbukti borang soal selidik ialah cara yang popular dan kos efektif untuk mengumpul data daripada sebilangan besar responden. Walau bagaimanapun, keperluan untuk mereka bentuk dan menjalankan pelaksanaan kajian yang teliti untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahihan data yang dikumpul (Leon, Davis, & Kraemer, 2011).

Keadaan ini menjadikan pengujian soal selidik sebagai proses yang sangat penting. Kajian rintis dapat membantu memastikan soalan mengukur perkara yang ingin diukur. Dengan menguji soal selidik, pengkaji boleh mengenal pasti dan menghapuskan soalan yang samar-samar atau mengelirukan. Pengujian membantu menilai kebolehpercayaan soal selidik, memastikan bahawa ia menghasilkan keputusan yang konsisten dari semasa ke semasa. Pengujian membantu mengenal pasti sebarang isu bahasa atau pemformatan yang mungkin mengelirukan responden. Soalan yang jelas dan ringkas membawa kepada jawapan yang lebih tepat. Pengujian membantu memastikan bahawa soalan adalah relevan dengan objektif penyelidikan dan populasi sasaran. Ia membolehkan pengkaji memperhalusi soal selidik untuk menangani persoalan kajian dengan lebih baik. Ia sering dijalankan sebagai sebahagian daripada proses ujian soal selidik, di mana soal selidik ditadbirkan kepada sampel responden yang lebih kecil untuk mengenal pasti sebarang isu sebelum kajian berskala penuh. Berdasarkan Junyong (2017), pengujian soal selidik diperlukan dalam kajian rintis untuk mendapatkan set soalan yang bakal menghasilkan hasil analisis statistik yang berkualiti.

### **Dimensi Kajian**

Kajian ini melibatkan empat dimensi utama yang ingin diuji iaitu kesejahteraan material, kesejahteraan subjektif, strategi daya tindak dan risiko pengulangan jenayah. Pengkaji membincangkan seperti berikut:

#### **Dimensi 1: Kesejahteraan Material dalam Kalangan Gelandangan Bekas Banduan**

Kesejahteraan material ditakrifkan dari segi kepuasan terhadap pelbagai isu kritikal yang melibatkan ekonomi seperti pengendalian ekonomi kerajaan, cukai, kos keperluan asas, pendapatan isi rumah, gaji dan faedah sampingan daripada pekerjaan seseorang, keselamatan kewangan, taraf hidup, dan

persetujuan dalam keluarga tentang bagaimana wang harus dibelanjakan (Sirgy, 2018). Kebanyakan literatur menunjukkan terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kesejahteraan material yang boleh disebabkan oleh faktor peribadi serta kontekstual (Popova & Pishniak, 2017). Faktor peribadi seperti umur, jantina, taraf pendidikan, status perkahwinan dikenali sebagai faktor demografi, harga diri dan pampasan digambarkan sebagai ciri dinamik personaliti. Pandangan terhadap kejayaan yang berfungsi dalam memenuhi keperluan berbeza setiap individu adalah keperluan dan kepuasan individu yang juga dikaitkan dengan kepercayaan dan kekuatan mental dimana ia dikenal menerusi imej individu yang berkemampuan dan kaya. Faktor peribadi yang juga menyumbang kepada kesejahteraan material terdapat juga kaitan dengan kemahiran, tingkah laku dan sumber berkaitan kewangan selain daripada matlamat dan aspirasi seseorang individu dalam hidup mereka. Pandangan terhadap nilai material sendiri memainkan peranan oleh kerana ianya juga dikaitkan dengan gaya hidup serta tabiat yang berkaitan dengan material tertentu. Faktor kontekstual yang menyumbang kepada kesejahteraan material adalah bagaimana penilaian taraf hidup dibandingkan secara sosial, bagaimana pendapatan disesuaikan dengan situasi keliling yang dinamik serta persekitaran ekonomi dalaman dalam sesuatu negara yang berkait rapat dengan isu berkenaan pekerjaan, pengangguran, pertumbuhan ekonomi dan inflasi. Pengangguran berkait rapat dengan sumber pendapatan yang seterusnya menghasilkan perasaan kurang selamat. Memiliki rumah adalah asas untuk kestabilan diri sendiri (Andre et al 2019).

### **Dimensi 2: Kesejahteraan Subjektif dalam Kalangan Gelandangan Bekas Banduan**

Selain daripada kesejahteraan material, dimensi kedua yang memberikan kesan terhadap kualiti hidup gelandangan adalah berkait rapat dengan kesejahteraan subjektif. Tinjauan literatur oleh pengkaji lepas mendapati bahawa terdapat pelbagai elemen telah digunakan sebagai penilaian dalam mengukur tahap kesejahteraan subjektif individu. Pengukuran terhadap kesejahteraan subjektif ini kebanyakannya dijalankan terhadap penilaian individu sama ada mempunyai pengalaman positif atau negatif terhadap sesuatu elemen atau keadaan (Diener & Scollon, 2003). Secara umumnya, kesejahteraan subjektif dikaitkan dengan elemen kasih sayang, kegembiraan, kebahagiaan, kepuasan hidup, dan kualiti hidup (Nik Shahrizan, Marzudi & Muhammad Shamsinor, 2021; Khairudin, 2017). Selain itu aspek kerohanian, tahap kesihatan, kadar jenayah dan status ekonomi semasa juga merupakan sebahagian daripada elemen kesejahteraan subjektif. Hal ini kerana menurut Azizah et al. (2014), dalam mengukur kesejahteraan subjektif bagi orang Melayu terutamanya golongan petani adalah lebih tertumpu kepada elemen pegangan agama, tahap kesihatan, pemilikan harta dan kepuasan terhadap pengurusan aktiviti pertanian. Menurut Haryati dan Nurasyikin (2011) pula, elemen keselamatan awam dan alam sekitar juga merupakan antara elemen penting dalam menentukan tahap kesejahteraan subjektif masyarakat di Malaysia. Tambahan lagi, menurut Khairuddin (2017), masyarakat Melayu juga melihat elemen penerapan nilai-nilai murni sebagai elemen penting dalam menjelaskan kebahagiaan dan kesejahteraan subjektif mereka. Antara nilai-nilai murni dan adab yang dikaitkan adalah seperti amalan tolong-menolong, saling bekerjasama, kesopanan, menghormati orang tua, mengenang jasa dan membalas budi serta mementingkan hubungan baik dengan keluarga dan masyarakat. Keadaan ini jelas memberikan gambaran bahawa masyarakat di Malaysia lebih bertumpu kepada elemen budaya setempat yang mengamalkan budaya kolektivisme yang tinggi sebagai satu elemen penting kesejahteraan subjektif. Secara keseluruhannya, dapatan kajian-kajian lepas memberikan rumusan tentang sejauh mana elemen emosi, kasih sayang, nilai murni, amalan dan budaya setempat, kadar jenayah, tahap pendidikan tahap ekonomi dan tahap kesihatan memainkan peranan yang penting dalam menentukan kesejahteraan subjektif masyarakat di Malaysia.

### **Dimensi 3: Strategi Daya Tindak**

Mekanisme daya tindak ialah strategi, tingkah laku, pemikiran, dan sumber yang digunakan oleh individu untuk mengurus dan menyesuaikan diri dengan tekanan, kesusahan, dan keadaan hidup yang mencabar (Folkman & Lazarus 1980; Lazarus & Folkman 1984a, 1984b). Strategi daya tindak memainkan peranan penting dalam membantu individu mengawal emosi mereka, mengurangkan kesusahan, dan mengemudi situasi sukar dengan berkesan. Strategi daya tindak ini boleh berbeza-beza secara meluas bagi setiap orang dan mungkin dipengaruhi oleh faktor seperti ciri personaliti,

pengalaman lalu, latar belakang budaya dan sumber yang ada. Terdapat tiga strategi daya tindak yang menjadi fokus (Conway & Terry, 1992):

1. Strategi daya tindak berfokuskan masalah: Ini melibatkan tindakan langsung untuk menangani punca tekanan atau menyelesaikan masalah yang menyebabkan kesusahan.
2. Strategi daya tindak berfokuskan emosi: strategi ini melibatkan pengurusan tekanan emosi yang berkaitan dengan situasi yang tertekan. Ini mungkin termasuk mendapatkan sokongan sosial, meluahkan emosi melalui bercakap atau menulis, melibatkan diri dalam teknik relaksasi (seperti pernafasan dalam atau meditasi), dan menyusun semula pemikiran untuk mengubah kesan emosi situasi.
3. Strategi daya tindak berfokuskan penghindaran: Sesetengah individu mungkin menghadapi tekanan dengan mengelak atau menafikan tekanan itu sama sekali. Ini boleh melibatkan mengalih perhatian diri dengan aktiviti atau bahan, menekan emosi, atau terlibat dalam tingkah laku untuk melarikan diri atau mengelakkan punca tekanan buat sementara waktu.

#### **Dimensi 4: Risiko Pengulangan Jenayah**

Istilah risiko pengulangan jenayah adalah kebarangkalian individu yang sebelum ini terlibat dalam tingkah laku jenayah dan melakukan kesalahan jenayah berulang selepas menerima hukuman penjara atau selepas melengkapkan tempoh pengawalan sistem keadilan jenayah. Pengulangan jenayah ini menjadi kebimbangan kritikal bagi penggubal dasar kerana implikasinya terhadap keselamatan awam dan pemulihan individu. Konsep ini adalah penting dalam menilai potensi untuk melakukan kesalahan semula dalam kalangan individu dalam sistem keadilan jenayah (Douglas et al., 2005). Beberapa kajian lepas telah menemui pelbagai faktor yang menyebabkan pengulangan jenayah iaitu terdiri dari faktor risiko dinamik (boleh diubah suai) dan statik (tidak boleh diubahsuai) bagi individu yang menerima hukuman (Yukhnenko et al., 2020). Faktor risiko dinamik boleh dipengaruhi oleh keperluan kesihatan mental, penyalahgunaan bahan terlarang, pergaulan dengan rakan sebaya antisosial, masalah pekerjaan, pendapatan rendah dan status perkahwinan (Yukhnenko et al., 2020). Manakala faktor risiko statik dipengaruhi oleh umur, jantina, dan sejarah jenayah (Vertommen et al., 2021; Yukhnenko et al., 2020). Menilai faktor risiko ini adalah penting untuk mengurangkan kadar kesalahan berulang dengan berkesan. Mengintegrasikan perkhidmatan kesihatan mental, penyalahgunaan bahan terlarang, dan keadilan jenayah mampu mengurangkan lagi untuk risiko pengulangan jenayah. Pada keseluruhannya, risiko pengulangan jenayah merangkumi kebarangkalian individu yang mempunyai sejarah jenayah untuk melakukan kesalahan berulang. Dengan mempertimbangkan pelbagai faktor risiko yang dinamik dan statik, intervensi dan sistem sokongan yang disesuaikan boleh dilaksanakan untuk menangani faktor ini dan mengurangkan kemungkinan risiko pengulangan jenayah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pengkaji membincangkan metodologi kajian yang digunakan di dalam kajian ini seperti berikut:

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan sebuah kajian kuantitatif yang akan dilakukan ke atas gelandangan bekas banduan. Penyelidikan kuantitatif ialah pendekatan metodologi yang digunakan untuk mengukur data dan menganalisis hubungan antara pembolehubah. Ia bergantung pada pengumpulan data berangka, yang kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah statistik. Penyelidikan kuantitatif bertujuan untuk mengenal pasti corak, arah aliran dan hubungan yang boleh digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar. Positivisme ialah falsafah penyelidikan yang menekankan penggunaan bukti empirikal dan kaedah saintifik untuk memahami dunia. Ia berdasarkan kepercayaan bahawa dunia adalah objektif dan pengetahuan boleh diperolehi melalui pemerhatian dan eksperimen. Kajian ini adalah bertujuan untuk menguji soal selidik yang telah dibina ke atas sekumpulan kecil sampel kajian yang terdiri daripada

gelandangan bekas banduan. Kajian rintis ini bertujuan untuk menguji kesesuaian soal selidik untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

### **Lokasi Kajian**

Kajian rintis ini telah dilakukan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Pemilihan lokasi kajian yang sama di antara kajian rintis dengan kajian sebenar kelak bagi memastikan responden dari kalangan kriteria yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian ini. Pemilihan Jalan Chow Kit memandangkan lokasi ini menjadi penumpuan gelandangan bekas banduan yang hidup di jalanan selepas dibebaskan. Beberapa kajian tempatan telah melaporkan kewujudan dan penumpuan golongan gelandangan bekas banduan ini secara beramai-ramai di sekitar Jalan Chow Kit (Berawi & Ismail 2019; Idris & Ramli 2017; Ramli & Dawood 2017). Pelbagai faktor seperti tanggapan terhadap kewujudan peluang pekerjaan, penolakan keluarga, kehadiran rakan senasib secara bersama, kewujudan akses kepada ketagihan dadah, akses makanan yang banyak telah menyebabkan penumpuan golongan ini memilih untuk hidup di sekitar Jalan Chow Kit. Maka dengan itu, pemilihan Jalan Chow Kit sebagai lokasi kajian sangat strategik dengan objektif kajian yang cuba dicapai.

### **Populasi dan Sampel**

Kajian ini melibatkan gelandangan bekas banduan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur sebagai populasi kajian. Walaubagaimanapun, tiada kerangka maklumat tentang jumlah sebenar gelandangan bekas banduan yang ada. Hal ini kerana, kajian ini berlandaskan kajian-kajian lepas yang telah membuktikan kewujudan dan penumpuan golongan ini secara beramai di sekitar Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Malahan, statistik orang papa yang dilaporkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah bersifat secara umum dan tidak melaporkan secara spesifik jumlah yang wujud tentang gelandangan yang mempunyai rekod jenayah. Keadaan ini memberi kesukaran dalam kajian untuk memberikan statistik sebenar tentang gelandangan bekas banduan yang wujud di kawasan ini. Cabaran lain yang wujud apabila jumlah angka gelap yang tidak dilaporkan di dalam statistik tetapi sememangnya wujud di jalanan. Kajian ini mengambil sampel yang kecil untuk kajian rintis. Hal ini kerana, pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian rintis ke atas 31 orang gelandangan bekas banduan yang dikenalpasti di sekitar Jalan Chow Kit.

Pengkaji telah menggunakan Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur untuk menjadi konsultan dalam membantu mengenalpasti responden kajian rintis yang diperlukan. Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab merupakan sebuah Organisasi Bukan Berkeuntungan (NGO) yang terletak di sekitar Jalan Chow Kit berfungsi dalam menyantuni golongan gelandangan dari segi memberi makanan, tempat untuk membersihkan diri (mandi), bantuan kesihatan dan sebagainya. Hubungan Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur dengan para gelandangan yang terdapat di sekitar Jalan Chow Kit membolehkan usaha untuk mendapatkan responden kajian rintis yang diperlukan. Hubungan baik dan kepercayaan yang telah lama wujud menyebabkan gelandangan bekas banduan ini dengan rela hati untuk menyertai kajian rintis ini. Ia merupakan suatu kelebihan apabila menggunakan perkhidmatan konsultan daripada pertubuhan yang telah mewujudkan hubungan dengan golongan ini. Ia telah menyebabkan pengkaji dengan mudah mendapatkan 31 responden gelandangan bekas banduan yang diperlukan. Proses pengedaran soal selidik telah berjaya dilakukan dalam tempoh sehari dengan bantuan *outreach worker* dari Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur.

### **Pembinaan Soal Selidik**

Soal selidik ini telah dibina berdasarkan kajian lepas yang telah dilakukan. Pengkaji telah membangunkan soal selidik mengikut kesesuaian dan keperluan yang diharapkan bagi mencapai objektif kajian yang telah diperuntukan. Proses membangunkan soal selidik ini telah dilakukan oleh kesemua pengkaji kajian. Sebaik soal selidik ini dibangunkan, pengkaji telah mendapatkan semakan pakar daripada tiga orang ahli akademik. Pengkaji telah mendapatkan semakan pakar dari pensyarah kanan dalam bidang kerja sosial dan kaunseling. Kepakaran mereka dalam kaunseling amat diperlukan dalam meningkatkan kebolehpercayaan soal selidik. Pengkaji telah menerima komen dari segi struktur

ayat dan kejelasan ayat yang perlu diperbaiki. Hal ini kerana soal selidik yang telah diberikan kepada pakar semak ini telah menunjukkan item yang kurang jelas. Pengkaji telah membaiki soal selidik mengikut cadangan-cadangan yang diberikan oleh ketiga-tiga pakar semak ini.

Kepentingan untuk meminta pakar menyemak soal selidik adalah penting untuk memastikan kesahihan, kebolehpercayaan dan keberkesannya. Pakar, seperti penyelidik atau pengamal di lapangan, boleh memberikan maklum balas yang berharga tentang kejelasan dan tahap kelengkapan soalan. Mereka juga boleh menilai sama ada soal selidik mengukur perkara yang ingin diukur dan sama ada soalan itu sesuai untuk populasi sasaran. Pemeriksaan pakar semak boleh membantu mengenal pasti dan membetulkan sebarang soalan yang samar-samar atau mengelirukan, memastikan responden mentafsirkannya seperti yang dimaksudkan. Selain itu, pakar semak boleh mencadangkan penambahbaikan kepada keseluruhan struktur dan format soal selidik untuk meningkatkan kebolehgunaan dan keberkesannya. Secara keseluruhannya, melibatkan pakar dalam proses semakan membantu mengukuhkan kualiti borang soal selidik dan meningkatkan kemungkinan mendapatkan data yang sah dan boleh dipercayai.

Hasil penambahbaikan telah membawa kepada penghasilan soal selidik dengan melibatkan 6 bahagian penting iaitu bahagian A melibatkan demografi responden yang terdiri daripada maklumat diri, tempat tinggal, kesihatan, penyakit mental, rekod kesalahan, masalah ketagihan dadah, dan pergerakan harian. Seterusnya diikuti dengan bahagian B yang berkaitan kesejahteraan hidup material melibatkan 21 item. Ia diikuti dengan bahagian C iaitu Kesejahteraan hidup subjektif yang melibatkan 14 item, dan bahagian D iaitu risiko gelandangan dengan melibatkan 15 item. Soal selidik ini turut melibatkan bahagian E iaitu risiko pengulangan jenayah yang melibatkan 20 item dan diakhiri dengan bahagian F iaitu strategi daya tindak yang melibatkan 24 Item. Bahagian B sehingga E menggunakan pengukuran 4 Skala Likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju. Pemilihan 4 skala likert tanpa melibatkan skala neutral atau tidak pasti memandangkan bentuk responden gelandangan bekas banduan yang diambil. Hal ini kerana kebimbangan pemilihan jawapan neutral atau tidak pasti melebihi daripada skala yang lain. Maka, dengan itu, pengkaji mengekalkan penggunaan 4 skala Likert dalam keseluruhan soal selidik.

## **Kajian Rintis**

Kajian rintis membantu memastikan soalan jelas dan boleh difahami oleh responden. Ia boleh mendedahkan perkataan yang mengelirukan atau samar-samar yang mungkin membawa kepada salah tafsir. Kajian rintis boleh mendedahkan sebarang kemungkinan berat sebelah dalam soal selidik, seperti soalan utama atau pilihan respons yang tidak menangkap julat penuh kemungkinan jawapan. Maklum balas daripada ujian rintis membolehkan penyelidik memperhalusi dan menambah baik soal selidik sebelum menggunakannya dalam kajian utama, meningkatkan keberkesanan dan ketepatannya. Farmanova et al. (2013), soal selidik diuji untuk mengesahkan sama ada ujian tersebut praktikal digunakan dalam kajian pengkaji melalui dapatan pandangan dan komen responden mengenai soal selidik. Menurut Pearson et al. (2020), kajian rintis boleh mempertimbang dan menilai penyertaan atau pematuhan terhadap prosedur pengumpulan data atau langkah-langkah lain kebolehlaksanaan kaedah kajian.

## **Kesahan dan kebolehpercayaan**

Dengan menguji soal selidik pada sampel kecil, pengkaji boleh menilai kesahihannya (sama ada ia mengukur perkara yang ingin diukur) dan kebolehpercayaan (sama ada ia menghasilkan keputusan yang konsisten). Soal selidik diedarkan menggunakan sampel kecil responden yang serupa dengan populasi sasaran. Peserta diminta untuk memberi maklum balas tentang kejelasan soalan, kaitan kandungan, dan struktur keseluruhan soal selidik. Corak dalam respons dianalisis bagi mengenalpasti isu berkaitan dengan perkataan, pilihan respons atau arahan. Christodoulou et al. (2015), mencadangkan kajian rintis adalah penting bagi menganggarkan kesahihan dan kebolehpercayaan alat penilaian setiap kajian penyelidikan. Kekuatan kesahihan dan kebolehpercayaan bergantung kepada kekuatan kandungan dan instrumen kajian yang dibincangkan melalui kajian rintis (White & Branch, 2008).



## ANALISIS KAJIAN

Nilai Alpha Cronbach digunakan untuk menilai ketekalan dalaman soal selidik. Ini boleh dilakukan dengan menganalisis tindak balas daripada sampel ujian rintis. Konsistensi dalaman merujuk kepada sejauh mana semua item dalam soal selidik mengukur konstruk atau konsep asas yang sama. Alpha Cronbach mengira korelasi purata antara semua kemungkinan kombinasi item dalam soal selidik. Ia berkisar antara 0 hingga 1, dengan nilai yang lebih tinggi menunjukkan ketekalan dalaman yang lebih besar. Alpha Cronbach 0.70 atau ke atas secara amnya dianggap boleh diterima untuk tujuan penyelidikan, menunjukkan bahawa item dalam soal selidik boleh mengukur konstruk yang sama. Alpha Cronbach di bawah 0.70 mungkin menunjukkan bahawa item tersebut tidak cukup berkaitan dan mungkin perlu disemak atau dialih keluar. Memastikan ketekalan dalaman adalah penting kerana ia menunjukkan bahawa soal selidik mengukur konstruk yang dimaksudkan dengan tepat dan boleh dipercayai. Konsistensi dalaman yang tinggi menunjukkan bahawa item dalam soal selidik semuanya menggunakan konsep asas yang sama, meningkatkan kesahan soal selidik.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melampirkan dapatan kajian yang telah diperolehi seperti berikut:

### Demografi Responden Kajian Rintis

Kajian rintis ini melibatkan seramai 31 orang responden; seramai 26 orang lelaki dan 5 orang perempuan. Berdasarkan taraf perkahwinan pula menunjukkan majoriti iaitu seramai 18 orang responden adalah dari kalangan yang bujang, manakala seramai 10 orang adalah sama ada janda, duda atau balu. Hanya seramai 3 orang responden dalam kategori telah berkahwin. Begitu juga dari segi bangsa, sebanyak 29 orang adalah dari kalangan berbangsa melayu dan hanya 2 orang sahaja berbangsa cina. Majoriti responden untuk kajian rintis iaitu seramai 16 orang ini adalah dari kalangan yang berusia 41 sehingga 50. Diikuti dengan seramai 8 orang berusia 30 sehingga 40 tahun, seramai 6 orang berusia 51 sehingga 60 tahun dan hanya seorang sahaja berusia 61 tahun ke atas. Dari segi agama pula, seramai 29 orang adalah berbangsa Islam dan seramai dua orang berbangsa hindu. Seterusnya, dari segi tahap pendidikan pula menunjukkan seramai 26 orang memiliki tahap pendidikan sehingga sekolah menengah. Diikuti dengan dua orang mempunyai tahap pendidikan sehingga sekolah rendah, dua orang lagi tidak mempunyai tahap pendidikan yang formal dan hanya seorang sahaja pernah memasuki universiti atau kolej. Kajian rintis ini telah menunjukkan seramai 15 orang responden telah hidup bergelandangan hampir kurang dari setahun. Seramai 8 orang pula telah bergelandangan dalam lingkungan setahun sehingga 5 tahun. Diikuti dengan seorang yang telah bergelandangan dalam lingkungan enam tahun sehingga 10 tahun. Seramai 7 orang lagi responden telah bergelandangan lebih 10 tahun. Ia memberi gambaran tentang keadaan mereka yang kronik di jalanan. Demografi terakhir adalah pekerjaan semasa di mana seramai 25 orang didapati tidak mempunyai sebarang pekerjaan. Hanya 5 orang sahaja yang berniaga ataupun bekerja sendiri. Walaubagaimanapun, terdapat seorang responden yang merupakan pekerja swasta. Pengkaji menyediakan maklumat demografi responden kajian rintis seperti di Jadual 1:

**Jadual 1:** Demografi responden kajian rintis

Elemen demografi	Kategori	Jumlah	Peratusan
Jantina	Lelaki	26	83.9
	Perempuan	5	16.1

*bersambung*

*Kepentingan Kajian Rintis dan Pengujian kebolehpercayaan borang selidik: Kajian tahap kesejahteraan hidup terhadap strategi daya tindak ke atas risiko pengulangan jenayah*

	Bujang	18	58.1
Taraf Perkahwinan	Berkahwin	3	9.7
	Janda/duda/balu	10	32.3
Bangsa	Melayu	29	93.5
	India	2	6.5
	Cina	0	0
Umur	30-40 tahun	8	25.8
	41-50 tahun	16	51.6
	51-60 tahun	6	19.4
	61 tahun ke atas	1	3.2
Agama	Islam	29	93.5
	Buddha	2	6.5
	Lain-Lain	0	0
Tahap Pendidikan	Tiada Pendidikan Formal	2	6.5
	Sekolah Rendah	2	6.5
	Sekolah Menengah	26	83.9
	Universiti/Kolej	1	3.2
Tempoh Bergelandangan	Kurang dari setahun	15	48.4
	1-5 tahun	8	25.8
	6-10 tahun	1	3.2

*bersambung*

	Lebih dari 10 tahun	7	22.6
	Tidak Bekerja	25	80.7
Pekerjaan Semasa	Berniaga/bekerja sendiri	5	16.1
	Pekerja Swasta	1	3.2

Jadual ini memberi gambaran tentang kehidupan kronik gelandangan bekas banduan yang tiada tempat tinggal. Kehidupan mereka boleh menjadi sangat mencabar dan selalunya penuh dengan pelbagai halangan. Ramai gelandangan bekas banduan menghadapi cabaran besar apabila mereka memasuki semula masyarakat kerana kekurangan sumber pendapatan. Tanpa pendapatan atau rangkaian sokongan yang stabil, proses mencari perumahan ataupun tempat tinggal menjadi sangat sukar, membawa kepada pengakhiran hidup sebagai gelandangan. Ramai gelandangan bekas banduan tidak mempunyai rangkaian sokongan yang kukuh. Situasi yang kronik ini boleh menyukarkan mereka untuk mengakses sumber dan bantuan apabila diperlukan. Tanpa rakan atau keluarga untuk dihubungi, mereka mungkin bergelut untuk mencari tempat tinggal atau peluang pekerjaan. Dalam jadual ini lagi telah membuktikan proses pencarian pekerjaan sebagai gelandangan bekas banduan boleh menjadi sangat mencabar. Seringkali situasi yang berlaku apabila keengganan majikan untuk mengupah individu yang mempunyai rekod jenayah. Kekurangan peluang pekerjaan ini boleh menyukarkan mereka untuk membeli rumah atau keperluan asas. Tanpa akses kepada perumahan/tempat tinggal yang stabil, pekerjaan dan perkhidmatan sokongan, ramai bekas banduan akhirnya terperangkap dalam kitaran kehidupan bergelandangan ataupun jenayah secara berulang, di mana mereka melakukan kesalahan semula dan kembali ke penjara. Kitaran ini mengekalkan mereka dalam kehidupan bergelandangan dan menjadikannya lebih sukar bagi mereka untuk berintegrasi semula ke dalam masyarakat.

### Dapatan kajian rintis

Hasil kajian rintis yang dilakukan telah membawa kepada dapatan yang membuktikan hasil kebolehpercayaan yang tinggi. Pengkaji melampirkan nilai Alpha Cronbach bagi setiap dimensi secara berperingkat seperti berikut:

### Dimensi Kesejahteraan Hidup Material

Kesejahteraan material, sebagai dimensi dalam soal selidik, merujuk kepada tahap kemakmuran ekonomi, akses kepada sumber, dan taraf hidup keseluruhan yang dialami oleh gelandangan bekas banduan ini. Pengkaji memasukkan kesejahteraan material dalam soal selidik bagi membolehkan pengkaji menilai aspek ketara kehidupan gelandangan bekas banduan, seperti pekerjaan, tempat tinggal, akses kepada keperluan asas, dan kestabilan kewangan keseluruhan. Soalan ini melibatkan item sebanyak 21 item. Hasil nilai Alpha Cronbach keseluruhan menunjukkan sebanyak 0.894. Ia membuktikan kebolehpercayaan item adalah tinggi. Pengkaji melampirkan dimensi kesejahteraan hidup material di dalam jadual 2 seperti berikut:

**Jadual 2:** Dimensi Kesejahteraan Hidup Material

Item	Nilai Min jika item dipadam	Cronbach's Alpha jika item dipadam
Suka simpan wang	47.28	.892

*bersambung*

*Kepentingan Kajian Rintis dan Pengujian kebolehpercayaan borang selidik: Kajian tahap kesejahteraan hidup terhadap strategi daya tindak ke atas risiko pengulangan jenayah*

Ada pekerjaan	47.76	.895
Tiada masalah dapatkan pekerjaan	47.76	.890
Bekerja lebih 3 bulan	47.86	.893
Dapat berjalan tanpa masalah	47.31	.896
Ada kenderaan	47.97	.890
Ada tempat berlindung	47.62	.881
Ada rumah yang selesa	47.76	.881
Ada kelengkapan yang baik	47.97	.886
Beli pakaian yang baru	47.97	.884
Pakaian yang cukup	47.31	.884
Pakaian yang bersih	46.93	.891
Basuh pakaian	46.86	.893
Makanan yang cukup	47.28	.888
Makanan berkhasiat	47.31	.889
Tidak mempunyai masalah makan	47.07	.889
Mampu jemput tetamu ke rumah	48.10	.889
Ada telefon untuk hubungi	47.31	.887
Ada telefon pintar	47.31	.885
Ada telefon yang berfungsi	47.31	.887
Mampu bayar bil telefon	47.90	.894

---

Namun jika soalan “Ada pekerjaan” dibuang nilai kebolehpercayaan akan meningkat dari 0.894 ke 0.895.

### **Dimensi Kesejahteraan Hidup Subjektif**

Seterusnya, kesejahteraan subjektif, sebagai dimensi dalam soal selidik ini. Kesejahteraan subjektif merujuk kepada persepsi dan penilaian yang dilaporkan sendiri oleh individu tentang kebahagiaan mereka, kepuasan hidup dan kesejahteraan keseluruhan. Tidak seperti kesejahteraan material, yang menumpukan pada aspek ketara kehidupan seperti pendapatan dan keadaan hidup, tetapi bagi kesejahteraan subjektif pula mengenalpasti dimensi emosi dan psikologi kesejahteraan. Usaha memasukkan kesejahteraan subjektif dalam soal selidik membolehkan pengkaji menilai tentang kualiti hidup dan kebahagiaan gelandangan bekas banduan. Dimensi ini melibatkan 14 item. Hasil kajian rintis mendapati nilai Alpha Cronbach keseluruhan adalah sebanyak 0.944. Ia membuktikan dimensi ini menunjukkan kebolehpercayaan item adalah tinggi. Pengkaji memasukkan dimensi kesejahteraan hidup subjektif di dalam jadual 3 seperti berikut:

**Jadual 3:** Dimensi Kesejahteraan Hidup Subjektif

<b>Item</b>	<b>Nilai Min jika item dipadam</b>	<b>Cronbach's Alpha jika item dipadam</b>
Gembira dengan kehidupan sekarang	30.72	.941
Puas hati dengan dengan kesihatan	30.41	.941
Puas hati dengan apa yang dicapai	31.03	.938
Puas hati dengan pencapaian hidup	31.00	.940
Ada kawan rapat	30.52	.944
Puas hati dengan hubungan keluarga	30.90	.942
Gembira dengan komuniti	30.72	.944
Puas hati tahap keselamatan	30.66	.938
Merasakan ada masa depan baik	30.66	.937
Puas hati dengan kualiti hidup	30.90	.936
Puas hati dengan amalan kerohanian	30.41	.942
Tidak rasa tertekan	30.86	.940
Tidak bimbang dengan masa depan	31.03	.940
Merasakan kehidupan yang berguna	30.52	.938

### **Dimensi Risiko Gelandangan**

Soal selidik ini turut menilai risiko gelandangan sebagai dimensi yang melibatkan pengenalpastian faktor yang menyumbang kepada individu untuk mengalami gelandangan. Risiko gelandangan adalah pelbagai rupa dan boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor peribadi, sosial dan ekonomi. Dimensi ini melibatkan 15 item. Hasil kajian rintis yang dijalankan telah menunjukkan nilai Alpha Cronbach keseluruhan sebanyak 0.839. Ia membuktikan kebolehpercayaan item adalah tinggi. Pengkaji memasukkan dimensi risiko gelandangan di dalam jadual 4 seperti berikut:

**Jadual 4:** Dimensi Risiko Gelandangan

<b>Item</b>	<b>Nilai Min jika item dipadam</b>	<b>Cronbach's Alpha jika item dipadam</b>
Bekas banduan sukar dapatkan tempat tinggal	38.00	.832
Tidak pulang ke rumah	38.25	.819
Tiada tempat dituju	38.04	.822
Tiada bantuan dari penjara	37.93	.844
Keluarga enggan terima	38.43	.821
Kawan ajak hidup gelandangan	38.54	.829
Tiada pilihan selain menjadi up gelandangan	38.11	.815
Rasa bebas untuk hidup up gelandangan	38.25	.823
Tiada wang untuk sewa	37.89	.829
Gagal mendapat bantuan kebajikan	37.68	.822
Tiada pekerjaan menyebabkan tidak mampu menyewa	37.57	.835
Diskriminasi masyarakat	38.25	.819
Menjadi gelandangan disebabkan ketagihan arak dan dadah	38.36	.847
Ketagihan arak dan dadah sukar untuk menguruskan diri	38.32	.854
Lebih selesa menjadi gelandangan	38.39	.825

Namun, sekiranya soalan “Ketagihan arak dadah sukar untuk menguruskan diri” dibuang membuatkan nilai kebolehpercayaan yang akan meningkat dari 0.839 ke 0.854

### **Dimensi Risiko Pengulangan Jenayah**

Di samping itu, soal selidik ini turut menilai risiko pengulangan jenayah sebagai dimensi dalam soal selidik. Item melibatkan pengenalpastian faktor yang menyumbang kepada kemungkinan individu terlibat dalam tingkah laku jenayah berulang kali. Dengan memahami faktor-faktor ini boleh membantu mengenal pasti individu yang mungkin berisiko tinggi untuk melakukan kesalahan semula dan memaklumkan usaha yang bertujuan untuk mencegah residivisme dan menggalakkan pemulihan. Dimensi ini melibatkan 20 item. Hasil kajian rintis yang dijalankan mendapati nilai Alpha Cronbach keseluruhan sebanyak 0.895. Dimensi ini menunjukkan kebolehpercayaan item adalah tinggi. Pengkaji memasukkan dimensi risiko pengulangan jenayah di dalam jadual 5 seperti berikut:

**Jadual 5:** Dimensi Risiko Pengulangan Jenayah

<b>Item</b>	<b>Nilai Min jika item dipadam</b>	<b>Cronbach's Alpha jika item dipadam</b>
Rekod jenayah lampau	45.93	.888
Rekod kesalahan ada kaitan dengan pengulangan jenayah	45.66	.891
Pengulangan jenayah saya sukar diterima masyarakat	45.34	.888
Layanan buruk keluarga menjadikan saya mengulang jenayah	45.93	.883
Hubungan buruk dengan keluarga menyebabkan saya mengulangi jenayah	45.83	.886
Kebimbangan majikan untuk mengambil saya bekerja	45.69	.885
Pengangguran menyebabkan saya melakukan jenayah	45.90	.884
Rakan sebaya mempengaruhi untuk melakukan jenayah	45.55	.887
Pengaruh rakan sebaya yang negatif	45.52	.898
Berkawan dengan orang yang turut melakukan jenayah	45.45	.887
Konflik dengan masyarakat	45.62	.890
Menghadapi pandangan negatif	45.55	.885
Penyalahgunaan dadah dan arak	45.52	.884
Gagal mengikuti rawatan	45.52	.890
Melakukan jenayah untuk penuhi ketagihan	45.38	.890
Kekecewaan terhadap komuniti	45.45	.893

*bersambung*

Menghadapi masalah mental	46.14	.898
Gangguan mental	46.14	.899
Saya masih tidak bersedia untuk kembali	45.66	.891
Tiada sistem sokongan	45.55	.892

Jika soalan “Gangguan mental” dibuang nilai kebolehpercayaan akan meningkat dari 0.895 ke 0.899

### **Dimensi Strategi Daya Bertindak**

Menilai mekanisme daya tindak sebagai dimensi dalam soal selidik adalah bahagian terakhir. Dimensi ini mengenal pasti strategi dan sumber yang digunakan oleh individu gelandangan bekas banduan untuk mengurus dan menyesuaikan diri dengan tekanan, kesusahan, dan keadaan hidup yang mencabar. Strategi daya tindak memainkan peranan penting dalam menggalakkan daya tahan, kesejahteraan psikologi dan penyelesaian masalah yang berkesan. Dengan memahami strategi daya tindak gelandangan bekas banduan boleh memberikan pandangan tentang keupayaan mereka untuk mengemudi situasi yang sukar dan menghadapi tuntutan kehidupan seharian sepanjang di jalanan. Dimensi ini melibatkan item sebanyak 24 item. Hasil kajian rintis yang dijalankan menunjukkan nilai Alpha Cronbach keseluruhan sebanyak 0.779. Dimensi ini menunjukkan kebolehpercayaan item adalah tinggi. Pengkaji melampirkan dimensi strategi daya tindak di dalam jadual 6 seperti berikut:

**Jadual 6:** Dimensi Strategi Daya Tindak

<b>Item</b>	<b>Nilai Min jika item dipadam</b>	<b>Cronbach's Alpha jika item dipadam</b>
Fokus kepada pekerjaan	62.00	.778
Berusaha untuk tidak terlibat semula	61.96	.769
Melihat apa yang berlaku sebagai tidak nyata	62.37	.776
Menyalahgunakan bahan terlarang	62.89	.801
Menjadi putus asa	62.78	.797
Mengambil pelbagai tindakan	62.07	.770
Enggan percaya kepada masalah peribadi yang berlaku	62.56	.796
Mendapatkan bantuan nasihat dari orang lain	62.11	.752
Mengambil arak dan bahan terlarang	62.67	.785
Melihat dari sudut positif	62.15	.758

*bersambung*



Selalu kritik terhadap diri sendiri	62.26	.763
Membuat strategi dalam menghadapi masalah	62.26	.764
Rasa lebih selesa	62.07	.751
Sering berputus asa	62.74	.787
Mencari sesuatu yang baik	61.96	.756
Selalu membuat jenaka terhadap apa yang berlaku	62.78	.772
Luah perasaan negatif	62.44	.771
Mencari ketenangan dengan agama	62.11	.764
Mendapat nasihat dan bantuan orang	62.00	.756
Belajar menerima kenyataan	62.22	.767
Fikir sedalam-dalamnya	62.22	.760
Sering menyalahkan diri	62.33	.778
Sering melakukan doa	62.04	.749
Mempersendakan terhadap apa yang berlaku	62.85	.774

Jika soalan “Menyalahgunakan bahan terlarang” dibuang nilai kebolehpercayaan akan meningkat dari 0.779 ke 0.801

## **PERBINCANGAN**

Hasil kajian rintis yang dijalankan telah membuktikan soal selidik yang dibina ini bersesuaian untuk digunakan bagi kajian sebenar dengan beberapa pembetulan yang dilakukan. Untuk memastikan kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan dalam ujian rintis, Alpha Cronbach telah digunakan bagi menyemak setiap item. Alpha Cronbach ialah ukuran ketekalan dalaman, menunjukkan sejauh mana item dalam skala atau soal selidik mengukur konstruk asas yang sama. Dalam analisis ini, soal selidik terdiri daripada 91 item yang direka untuk mengukur dimensi kesejahteraan hidup subjektif, risiko pengulangan jenayah dan strategi daya tindak. Ujian rintis dijalankan dengan sampel 31 orang responden. Maka dengan itu, kajian rintis adalah sangat penting bagi menunjukkan keperluan untuk penyelidikan yang lebih lanjut (Arain et al., 2010; Leon, Davis, & Kraemer, 2011). Dengan melakukan kajian rintis dapat menilai kebolehlaksanaan kajian untuk skala yang lebih besar. Ia juga berupaya dalam meningkatkan kebarangkalian kejayaan, dan berpotensi mengelakkan kesilapan atau kegagalan semasa menjalankan kajian utama (Thabane et al., 2010). Kajian rintis adalah penting dalam penyelidikan kerana ia membantu menentukan kebolehlaksanaan prosedur kajian dan menjana data awal dalam kawasan yang belum dikaji, memajukan penyelidikan masa depan (LaGasse, 2013). Kajian rintis boleh meningkatkan kesahan dalaman soal selidik, menilai kebolehlaksanaan kajian utama, dan memberikan maklum balas tentang logistik pengumpulan data (Nyatanga, 2005). Kajian rintis yang

dijalankan dengan baik memastikan ketelitian metodologi, membawa kepada penyelidikan berkualiti tinggi (Doody & Doody, 2015).

Keputusan ujian rintis mendedahkan pekali Alpha Cronbach menunjukkan tahap ketekalan dalaman yang tinggi antara item soal selidik. Kesemua dimensi yang digunakan menunjukkan pekali Alpha Cronbach yang melebihi 0.70 atau lebih tinggi. Keadaan ini telah membawa kepada persetujuan bahawa setiap item yang dipilih boleh diterima untuk tujuan penyelidikan (Nunnally, 1978). Ini menunjukkan bahawa item soal selidik yang digunakan boleh mengukur konstruk yang dimaksudkan. Kebolehpercayaan ini penting untuk memastikan kesahihan soal selidik dalam memastikan data yang dikehendaki dengan tepat dan konsisten. Namun demikian, walaupun hasil kajian rintis ini menunjukkan Alpha Cronbach yang tinggi, tetapi pengkaji mengambil keputusan untuk mengurangkan jumlah item apabila mengambil kira dari segi responden dan tahap pengetahuan mereka untuk menjawab soal selidik. Pengkaji akan memastikan penambahbaikan dari segi jumlah item yang akan dilakukan di dalam kajian sebenar tidak akan menukar maksud keseluruhan kajian.

Dari segi proses pengumpulan data, hasil kajian ini mendapati keperluan untuk menjalankan kerjasama dengan organisasi atau individu yang telah menjalin hubungan dengan populasi ini untuk membantu memperkenalkan sampel kajian yang diperlukan. Penggunaan organisasi sebagai konsultan dalam menawarkan keupayaan mereka untuk mengenalpasti sampel responden gelandangan bekas banduan. Pengkaji juga turut menawarkan honorarium kepada sampel gelandangan bekas banduan sebagai insentif untuk menggalakkan penyertaan. Hal ini berikutan faktor menghormati masa yang digunakan oleh mereka untuk ke pusat yang menjadi tempat pengumpulan data. Malahan, pengkaji turut memastikan kerahsiaan dan menghormati privasi sampel kajian sepanjang proses kajian. Adalah menjadi satu keperluan buat pengkaji dalam memastikan para sampel kajian mengetahui bahawa penyertaan mereka akan dirahsiakan. Hal ini bagi membuatkan mereka berasa selesa dalam menyertai kajian ini.

Kajian rintis ini turut mendapati keperluan pengkaji dan enumerator untuk bersedia memberikan sokongan dan sumber apabila para responden menyatakan kesusahan atau memerlukan bantuan. Pengkaji mendapati terdapat responden yang tidak boleh membaca, mempunyai masalah rabun mata dan daya pemahaman yang rendah. Kehadiran enumerator untuk membantu para responden dalam mengisi borang soal selidik adalah diperlukan. Selain itu, pengkaji juga perlu mengenali karakteristik yang tidak dijangka atau dapat diramalkan daripada sampel responden ini. Maka dengan itu, pengkaji perlu menjadi fleksibel dalam pendekatan yang digunakan termasuk masa. Kajian rintis ini berupaya untuk mengumpul maklum balas daripada responden tentang pengalaman mereka mengisi soal selidik. Keadaan ini boleh membantu pengkaji mengenal pasti sebarang isu yang perlu ditangani sebelum kajian penuh dijalankan. Malahan, pengkaji juga perlu mengikuti garis panduan etika untuk penyelidikan memandangkan keadaan responden yang terdedah dan rentan ini. Maka, penting buat pengkaji dalam mendapatkan persetujuan termaklum dan memastikan para responden memahami tujuan dan risiko kajian.

### **Cabaran Menjalankan Kajian Rintis dan Penambahbaikan Soal Selidik**

Proses menjalankan kajian rintis ini membawa kepada beberapa cabaran yang telah dilalui oleh para pengkaji. Pengujian soal selidik yang melibatkan sampel kajian yang begitu kronik dengan kriteria yang sangat spesifik boleh membawa kepada pelbagai cabaran dalam menjalankan kajian. Penulisan bahagian ini penting dalam membuat penambahbaikan kepada soal selidik bagi memastikan kajian lapangan yang lebih lancar. Menurut Teijliengen dan Hundley (2002), batasan cabaran kajian rintis pengkaji terdedah kepada intervensi dan tindak balas secara berbeza. Kajian rintis adalah penting untuk meningkatkan keyakinan terhadap instrumen kajian, dan mengenal pasti kelemahan yang mungkin memerlukan penambahbaikan (Malmqvist et al., 2019). Kajian rintis adalah penting untuk membayangkan masalah penyelidikan, menyerlahkan jurang dan mengurangkan pembaziran dalam pengumpulan data. Di samping itu, menjalankan kajian rintis dapat mempertimbangkan kesahihan penyelidikan, etika, perwakilan dan kesihatan dan keselamatan penyelidik (Sampson, 2004). Berikut, pengkaji melampirkan cabaran yang dihadapi sepanjang menjalankan kajian rintis:

### **Kriteria Responden yang Terlalu Khusus dan Kesukaran dalam Mendapatkan Sampel yang Diperlukan**

Kajian ini melibatkan gelandangan bekas banduan iaitu individu yang berakhir sebagai gelandangan setelah dibebaskan dari penjara. Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan beberapa kriteria khusus seperti mempunyai rekod penjara dan hidup di jalanan. Kedua-dua kriteria utama ini menyebabkan jumlah populasi yang lebih khusus sehingga menyebabkan kesukaran dalam mendapatkan sampel yang diperlukan. Proses mendapatkan sampel yang diperlukan boleh menjadi suatu proses yang sangat mencabar buat pengkaji terutama apabila melibatkan sampel gelandangan bekas banduan yang boleh terdedah kepada kebarangkalian dan kecenderungan untuk masuk ke dalam penjara semula. Keadaan ini menyebabkan jumlah sampel yang ada boleh berubah-ubah mengikut keadaan. Terdapat suatu keadaan apabila lebih ramai sampel yang berada di sekitar Jalan Chow Kit dan begitu juga suatu keadaan yang lain apabila sampel yang diperlukan berada dalam jumlah yang rendah. Keadaan ini boleh terjadi terutama apabila berlakunya Ops Bersepadu yang dijalankan di sekitar Jalan Chow Kit yang menyebabkan ramai daripada mereka yang dimasukkan ke dalam sistem keadilan jenayah semula atas pelbagai kesalahan seperti memiliki dadah dan menggunakan dadah. Ia merupakan antara cabaran yang boleh dihadapi apabila melibatkan golongan seperti gelandangan bekas banduan ini sebagai sampel kajian. Mereka cenderung terlibat dengan kesalahan yang berkaitan dadah sepanjang dibebaskan dari penjara.

### **Daya Kefahaman Responden yang Rendah**

Hasil kajian rintis yang dilakukan turut mendapati sampel kajian rintis ini adalah dari kalangan yang mempunyai daya kefahaman yang rendah. Ia boleh terjadi dari tahap pendidikan yang rendah menyebabkan keupayaan mereka untuk menaakul dan memahami suatu soalan yang disediakan soal selidik menjadi sangat sukar. Walaupun soal selidik kajian rintis ini telah dibina dengan teliti serta mendapatkan pandangan dari pakar semak, namun, pengkaji masih menghadapi situasi apabila responden masih menunjukkan daya kefahaman yang sangat rendah terhadap soalan yang disediakan. Jangkaan pengkaji terhadap keupayaan responden untuk menjawab soal selidik kajian rintis yang tinggi ternyata meleset. Keadaan ini menyebabkan pengkaji memutuskan untuk memperbaiki soalan yang dibina di dalam soal selidik kepada soalan yang jauh lebih mudah dan umum. Hal ini bagi memastikan responden gelandangan bekas banduan berupaya menjawab soal selidik di dalam kajian lapangan sebenar.

### **Soalan yang Kabur, Kurang Relevan dan Berlakunya Pengulangan Soalan**

Selain itu, pengkaji turut mengenalpasti cabaran dari segi soalan yang kabur di dalam soal selidik ketika menjalankan kajian rintis. Terdapat beberapa soalan yang sukar difahami oleh responden menyebabkan keperluan untuk penambahbaikan soal selidik tersebut. Di samping itu juga, terdapat beberapa soalan yang kurang relevan untuk ditanya kepada golongan gelandangan bekas banduan. Antaranya soalan berkaitan tentang pasangan di mana tidak semua gelandangan bekas banduan ini memiliki pasangan sama ada isteri mahupun suami. Di samping itu juga, turut berlaku situasi terhadap pengulangan soalan yang wujud di dalam beberapa bahagian soalan selidik. Pengkaji mula menyedari selepas kajian rintis ini dilaksanakan.

### **Bentuk dan Format Soal Selidik yang Digunakan**

Akhir sekali, cabaran yang dihadapi ketika kajian rintis dijalankan ialah dari segi bentuk dan format soal selidik yang digunakan. Hal ini berlaku terutama sekali pada soalan berbentuk demografi seperti soalan berkenaan tempat tinggal, masalah kesihatan, masalah mental, dan ketagihan dadah/ alkohol. Terdapat ruang untuk responden melompat ke soalan seterusnya bagi yang menjawab tidak pada soalan berbentuk kesihatan, masalah mental dan ketagihan ini. Terdapat situasi apabila responden mengalami kekeliruan dalam memilih untuk menjawab soalan seterusnya. Keadaan ini menyebabkan pengkaji mengubah format soal selidik ini. Namun, situasi yang berlaku apabila format baru yang ingin diperkenalkan boleh membawa kekeliruan yang lebih sukar. Pengkaji perlu memilih untuk meneruskan

format untuk soalan demografi seperti sedia ada. Keadaan ini membuatkan keperluan bagi pengkaji untuk melantik lebih ramai pembanci pada masa kajian sebenar dalam membantu responden mengisi soal selidik.

### **Jumlah Item yang Terlalu Banyak di dalam Setiap Angkubah yang Diukur.**

Soal selidik yang dibina ini melibatkan jumlah item yang agak banyak bagi beberapa angkubah yang ingin diukur. Terdapat bahagian yang melibatkan item sebanyak 15 item dan juga 20 item. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan ketika kajian rintis ini dijalankan, jumlah item yang terlalu banyak memberi kesan kepada emosi responden gelandangan bekas banduan. Hal ini kerana responden berasa sukar menjawab jumlah item yang terlalu banyak. Hasil perbincangan dengan para pengkaji setelah kajian rintis dilakukan telah membawa kepada keputusan untuk mengurangkan jumlah item yang ada. Pengkaji telah memilih untuk menukar jumlah item kepada 10-12 bagi setiap dimensi yang ingin diukur. Pengkaji juga memastikan ketiadaan soalan yang berulang dan membawa kepada maksud yang serupa di dalam setiap item yang dibina di dalam soal selidik ini.

Secara umumnya, dengan membincangkan pelbagai cabaran yang ditemui sepanjang menjalankan kajian rintis membuktikan kajian rintis sangat penting untuk dilakukan sebelum menjalankan kajian sebenar. Hal ini kerana kajian rintis yang dilakukan dapat meningkatkan kemungkinan kejayaan dalam penyelidikan dan memberikan pandangan yang berharga untuk penyelidik lain (Teijlingen & Hundley, 2002). Malahan, menjalankan kajian rintis dapat memastikan pengkaji dapat mengumpul data yang tepat dan belajar daripada pengalaman mereka (Mikuska, 2017). Kajian rintis adalah perlu dan berguna dalam menyediakan asas dalam projek penyelidikan, bagi menguji kebolehlaksanaan cadangan projek, pemilihan subjek kajian, penggunaan alat penyelidikan dan analisis data (Hassan, Schattner & Mazza, 2006). Kajian rintis juga dapat memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada kajian utama boleh dijalankan, membantu dalam rangka masa, kos dan kaedah kajian yang sesuai (Kannan, & Gowri, 2015). Kajian rintis adalah penting untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan, mengurangkan berat sebelah dan menyediakan pengkaji secara psikologi untuk pengumpulan data (Tate et al., 2023).

## **KESIMPULAN**

Hasil pengujian soal selidik ini membawa kepada pemahaman pengkaji dengan lebih lanjut tentang kajian yang bakal dijalankan. Hal ini kerana keseluruhan artikel ini adalah bertujuan dalam menjalankan kajian rintis dan menguji soal selidik yang telah dibina. Proses menjalankan kajian rintis ini membolehkan pengkaji menambahbaik soal selidik sedia ada agar memastikan proses kajian lapangan sebenar yang lebih lancar. Kajian terhadap gelandangan bekas banduan sebagai sampel kajian merupakan suatu yang mencabar. Kajian rintis yang dilakukan memastikan pengkaji memahami gerak kerja dan proses kajian yang lebih lancar. Pelbagai penambahbaikan yang telah dilakukan ke atas soal selidik sebenar. Diharap usaha menjalankan kajian rintis ini dapat memastikan kajian lapangan sebenar yang lebih lancar.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini telah menerima geran penajaan Universiti 2023 dengan Kod So: 21651 sebanyak RM 10,000 dari Research and Innovation Management Centre (RIMC), Universiti Utara Malaysia.

## RUJUKAN

- André, S., Dewilde, C., & Muffels, R. (2019). Housing tenure, housing wealth and subjective wellbeing in Australia: The case of unemployment. In *Wealth (s) and subjective well-being* (pp. 281-304). Cham: Springer International Publishing.
- Arain, M., Campbell, M., Cooper, C., & Lancaster, G. (2010). What is a pilot or feasibility study? A review of current practice and editorial policy. *BMC Medical Research Methodology*, 10, 67 - 67. <https://doi.org/10.1186/1471-2288-10-67>.
- Arnold, D.M., Burns, K.E., Adhikari, N.K., Kho, M.E., Meade, M.O., & Cook, D.J. (2009). The design and interpretation of pilot trials in clinical research in critical care. *Crit Care Med*, 37(1 Suppl), S69-74.
- Azizah, Md Yusof, Jamal Ali, & Roslina Kamarudin. (2014). Kesejahteraan hidup subjektif: Pengaruh elemen ekonomi dan bukan ekonomi. Prosiding PERKEM ke-9. PERKEM. Retrieved from [http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2014/PERKEM\\_2014\\_4D4.pdf](http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2014/PERKEM_2014_4D4.pdf).
- Berawi, F.A. & Ismail, N.A (2019). Gelandangan di Kuala Lumpur: Tinjauan awal. [https://www.researchgate.net/publication/337679453\\_Gelandangan\\_di\\_Kuala\\_Lumpur\\_Tinjauan\\_Awa](https://www.researchgate.net/publication/337679453_Gelandangan_di_Kuala_Lumpur_Tinjauan_Awa) 1 [2 Disember 2021].
- Bryman, A. (2016). *Social research methods* (5th ed.). Oxford, England: Oxford University Press
- Chi-Hong T. & Sim, D. (2020). Sample size planning for pilot studies. *Journal Title XX(X)*: 1-15
- Christodoulou, E., Kalokairinou, A., Koukia, E., Intas, G., Apostolara, P., Daglas, A. & Zyga, S. (2015). The test retest reliability and pilot testing of the the new technology and nursing students learning styles questionnaire. *International journal of caring sciences*. 8(3)
- Conway, V.J. & Terry, D.J. (1992). Appraised controllability as a moderator of the effectiveness of different coping strategies: A test of the goodness-of-fit hypothesis. *Australian Journal of Psychology*, 44(1), 1-7.
- Diener, E. & Scollon, C. (2003). Subjective well being is desirable, but not the Summum Bonum. Workshop on Well Being. Minneapolis, USA. UMN. Retrieved from [http://www.tc.umn.edu/~tiberius/workshop\\_papers/DIENER.pdf](http://www.tc.umn.edu/~tiberius/workshop_papers/DIENER.pdf).
- Doody, O., & Doody, C. (2015). Conducting a pilot study: case study of a novice researcher. *British journal of nursing*, 24 21, 1074-8. <https://doi.org/10.12968/bjon.2015.24.21.1074>.
- Douglas, K. S., Guy, L. S., Reeves, K. A., & Weir, J. (2005). HCR-20 violence risk assessment scheme: Overview and annotated bibliography.
- Farmanova, E., Grenier, J., & Chomienne, M. H. (2013). Pilot testing of a questionnaire for the evaluation of mental health services in family health team clinics in Ontario. *Healthcare quarterly*, 16(4).
- Folkman, S. & Lazarus, R.S. (1980). An analysis of coping in a middle-aged community sample. *Journal of Health and Social Behavior*, 21(3), 219-239.
- Fraser, J., Falhman, D., Arscott, J., & Guillot, I. (2018). Pilot testing for feasibility in a study of student retention and attrition in online undergraduate programs. *International review of reaserch in open and distributed learning*, 9(1).
- Gudmundsdottir, G. B., & Brock-Utne, B. (2010). An exploration of the importance of piloting and access as action research. *Educational Action Research*, 18, 359-372.
- Haryati Shafii & Nurasyikin Miskam, N. (2011). Pembentukan penunjuk dan indeks kualiti hidup bagi mengukur kesejahteraan hidup masyarakat di Pekan Parit Raja, Johor [Paper presentation]. Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hassan, Z., Schattner, P., & Mazza, D. (2006). Doing A Pilot Study: Why Is It Essential?. *Malaysian family physician: the official journal of the Academy of Family Physicians of Malaysia*, 1 2-3, 70-3.
- Idris, M.A.H. & Ramli, M.A. 2017. Golongan gelandangan di Malaysia: Antara perluasan tafsiran Asnaf Ibnu Al-Sabil dan Al-Riqab. Dlm Najahudin Lateh, Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahuddin Din (pnyt.). *Isu-Isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*, hlm. 121-131. Shah Alam: Akademik Pengajian Islam Kontemporari.
- Junyong I. (2017). Introduction of pilot study. *Korean Journal of Anesthesiology*. 70(6): 601-605.
- Kannan, S., & Gowri, S. (2015). Pilot studies: Are they appropriately reported?. *Perspectives in Clinical Research*, 6, 207 - 210. <https://doi.org/10.4103/2229-3485.167097>.
- Khairudin, C.T (2017). Dimensi kebahagiaan golongan dewasa Melayu. [Unpublished doctoral dissertation] Universiti Malaya.
- Kim, Y. (2010). The pilot study in qualitative inquiry: Identifying issues and learning lessons for culturally competent research. *Qualitative Social Work*, 10, 190-206
- Kraemer, H.C., Mintz, J., Noda, A., Tinklenberg, J., & Yesavage, J.A. (2006). Caution regarding the use of pilot studies to guide power calculations for study proposals. *Arch Gen Psychiatry*, 63(5), 484-9
- LaGasse, A. (2013). Pilot and feasibility studies: application in music therapy research. *Journal of Music Therapy*, 50 4, 304-20. <https://doi.org/10.1093/jmt/50.4.304>.

- Lancaster, G.A., Dodd, S., & Williamson, P.R. (2004) Design and analysis of pilot studies: recommendations for good practice. *J Eval Clin Pract*, 10(2), 307-12
- Lazarus, R.S. & Folkman, S. (1984a). *Stress, Appraisal, and Coping*. New York: Springer Publishing Company, Inc.
- Lazarus, R.S. & Folkman, S. (1984b). Coping and adaptation. Dlm. Gentry, W.D. (pnyt.). *Handbook of Behavioural Medicine*, hlm. 282–325. New York: Guilford.
- Lenth, R. (2001). Some Practical Guidelines for Effective Sample Size Determination. *The American Statistician*, 55, 187–193.
- Leon, A., Davis, L., & Kraemer, H. (2011). The role and interpretation of pilot studies in clinical research. *Journal of psychiatric research*, 45 5, 626-9. <https://doi.org/10.1016/j.jpsychires.2010.10.008>.
- Malmqvist, J., Hellberg, K., Mollas, G., Rose, R. & Shevlin, M. (2019). Conducting the pilot study: a neglected part of the research process? Methodological finding supporting the importance of piloting in qualitative research studies. *International journal of qualitative methods*, 18, 1-11. <https://doi.org/10.1177/1609406919878341>.
- Mikuska, E. (2017). The Importance of Piloting or Pre-Testing Semi-Structured Interviews and Narratives. <https://doi.org/10.4135/9781473977754>.
- Nik Shahrizan Nik Mad, Marzudi Md Yunus & Muhammad Shamsinor Abdul Azziz (2021). Aspek dan Penilaian Kesejahteraan Subjektif: Kebahagiaan, Kegembiraan, Kepuasan dan Kualiti Hidup. *Jurnal Pengajian Melayu*, 32(2), 94 -111.
- Nunnally, J. C. (1967), *Psychometric Theory*, 1st ed., New York: McGraw-Hill.
- Nyatanga, B. (2005). Do pilot studies have any value in research?. *International Journal of Palliative Nursing*, 11 7, 312. <https://doi.org/10.12968/IJPN.2005.11.7.18482>.
- Pearson, N., Naylor, P., Ashe, M.C., Fernandez, M., Sze L. Y. & Wolfenden, L. (2020). Guidance for conducting feasibility and pilot studies for implementation trials. *Pilot and Feasibility Studies*. 6(1), 167. doi: 10.1186/s40814-020-00634-w.
- Popova, D., & Pishniak, A. (2017). Measuring individual material well-being using multidimensional indices: an application using the Gender and Generation Survey for Russia. *Social Indicators Research*, 130, 883-910.
- Ramli, M.W. & Dawood, S.R.S. 2017. Memahami permasalahan golongan terpinggir di bandar: Kajian kes gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Geografi* 5(2): 78–94.
- Sampson, H. (2004). Navigating the waves: the usefulness of a pilot in qualitative research. *Qualitative Research*, 4, 383 - 402. <https://doi.org/10.1177/1468794104047236>.
- Sirgy, M. J. (2018). The psychology of material well-being. *Applied Research in Quality of Life*, 13(2), 273-301.
- Tate, R., Beauregard, F., Peter, C. & Marotta, L. (2023). Pilot testing as a strategy to develop interview and questionnaire skills for scholar practitioners: a selection of education doctorate students reflective vignettes. *Journal on transforming professional practice*, 8(4), 20-25. <https://doi.org/10.5195/ie.2023.333>.
- Teijlingen, E., & Hundley, V. (2002). The importance of pilot studies. *Nursing standard (Royal College of Nursing (Great Britain): 1987)*, 16 40, 33-6. <https://doi.org/10.7748/NS2002.06.16.40.33.C3214>.
- Thabane, L., Ma, J., Chu, R., Cheng, J., Ismaila, A., Rios, L., Robson, R., Thabane, M., Giangregorio, L., & Goldsmith, C. (2010). A tutorial on pilot studies: the what, why and how. *BMC Medical Research Methodology*, 10, 1 - 1. <https://doi.org/10.1186/1471-2288-10-1>.
- White, B. S., & Branch, R. M. (2008). Systematic Pilot Testing as a Step in the Instructional Design Process of Corporate Training and Development. *Performance Improvement Quarterly*, 14(3), 75-94.
- Vertommen, T., Verhelle, H., Martijn, F.M., & De Boeck, M. (2021). Static and Dynamic Recidivism (2021). Risk Factors of People Who Have Committed Child Sex Offenses in Sport. *Front Sports Act Living*, 5(3), 624548.
- Vogel, S., & Draper-Rodi, J. (2017). The importance of pilot studies, how to write them and what they mean (Editorial). *International Journal of Osteopathic Medicine*, 23, 2–3.
- Yukhnenko, D., Blackwood, N., & Fazel, S. (2020). Risk factors for recidivism in individuals receiving community sentences: a systematic review and meta-analysis. *CNS spectrums*, 25(2), 252-263.
- Zailinawati Abu Hassan, Schattner P., & Mazza, D. (2006). Doing a pilot study: why is it essential? *Malaysian Family Physician*, 1(2&3), 70-73